



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 13 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	KPWKM Tidak Tetap Kadar Yuran Taska Di Bawah JKM – Nancy https://malaysiagazette.com/2024/11/12/kpwkm-tidak-tetap-kadar-yuran-taska-di-bawah-jkm-nancy/ https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-tidak-tetapkan-kadar-yuran-taska-bawah-kendalian-jkm/	Malaysia Gazette Buletin TV3	Neutral
2.	Dewan Rakyat: 23 Kes Dera Di Pusat Asuhan Dilaporkan https://www.kosmo.com.my/2024/11/12/dewan-rakyat-23-kes-dera-di-pusat-asuhan-dilaporkan/#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322883/23-perintah-tutup-kunci-taska-akibat-kes-kematian-aduan-penderaan https://www.melakahariini.my/27-taska-tidak-berdaftar-di-melaka-telah-diambil-tindakan/#google_vignette	Kosmo Berita Harian Melaka Hari Ini	Neutral
3.	Ending Child Marriage: Crucial Step To Curb Teenage Pregnancies And Safeguard Malaysia's Future — Sisters In Islam https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2024/11/12/ending-child-marriage-crucial-step-to-curb-teenage-pregnancies-and-safeguard-malaysias-future-sisters-in-islam/156633	Malay Mail	Neutral

4.	<p>Dewan Rakyat: KPWKM Tidak Bercadang Tetapkan Kelayakan Minimum Petugas PDK</p> <p>https://www.tvsarawak.my/2024/11/12/dewan-rakyat-kpwkm-tidak-bercadang-tetapkan-kelayakan-minimum-petugas-pdk/</p>	TV Sarawak	Neutral
5.	<p>KPWKM Tingkat Penguatkuasaan Di Taska, Cegah Pengabaian Kanak-Kanak – Noraini Ahmad</p> <p>https://umno-online.my/2024/11/12/kpwkm-tingkat-penguatkuasaan-di-taska-cegah-pengabaian-kanak-kanak-noraini-ahmad/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=DlaQBWW_JAY</p>	Umno Online Umno Online	Neutral
6.	<p>KPWKM To Assist University Students Deal With Sexual Harassment</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-to-assist-university-students-deal-with-sexual-harassment-JH13277086</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2362443</p> <p>https://selangorjournal.my/2024/11/kpwkm-to-raise-awareness-of-sexual-harassment-laws-among-university-students/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/12/program-toleransi-sifar-keganasan-advokasi-antigangguan-seksual-teruskan-jelajah-di-zon</p>	The Sun Bernama Selangor Journal Utusan Borneo	Neutral
7.	<p>Tergamak Biarkan Anak Jadi Gelandangan Kerana Dadah</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154255/tergama-biarkan-anak-jadi-gelandangan-kerana-dadah</p>	Harian Metro	Neutral
8.	<p>Kerajaan Komited Tingkat Pengambilan OKU Dalam Perkhidmatan Awam</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-komited-tingkat-pengambilan-oku-dalam-perkhidmatan-awam-495938</p>	Astro Awani	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/696162/video/berita-semasa-video/136-oku-dilantik-penjawat-awam-sejak-2023</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=Y2s9WGaevCc</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=uJob-hTWUII</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/132286/1/136-oku-diterima-masuk-perkhidmatan-awam-2023-september-2024-dr</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/sspa-mampu-tarik-minat-oku-jadi-penjawat-awam/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/12/44-oku-diterima-masuk-dalam-perkhidmatan-awam-tahun-ini/</p> <p>https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2362262</p> <p>https://selangorkini.my/2024/11/lebih-100-oku-diterima-masuk-perkhidmatan-awam-sejak-2023/</p> <p>https://www.wilayahku.com.my/pelaksanaan-sspa-mampu-tarik-minat-oku-sertai-perkhidmatan-awam/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=yTYn-SNJJr8</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/12/sspa-mampu-tarik-minat-oku-jadi-penjawat-awam-kata-menteri/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Wilayahku</p> <p>Berita RTM</p> <p>FMT</p>	
9.	<p>Gempar Mayat Wanita Ditemukan, 3 Tahun Anak Simpan Dalam Peti Sejuk</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/11/12/gempar-mayat-wanita-ditemukan-3-tahun-anak-simpan-dalam-peti-sejuk</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=UgkjA4_I5DY</p>	<p>MStar</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/696204/berita/semasa/mayat-ibu-dalam-peti-sejuk-beku-polis-tahan-anak-mangsa#google_vignette</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/12/mayat-wanita-dalam-peti-sejuk-seorang-lelaki-ditahan/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/12/lelaki-ditahan-susulan-penemuan-mayat-wanita-dalam-peti-sejuk</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-simpan-mayat-ibu-dalam-kotak-ais-sejak-2021-ditahan-di-kl-495954</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2362471</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322989/kes-bunuh-ibu-kali-terakhir-jiran-lihat-mangsa-sebelum-pkp</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/11/1154246/suspek-bunuh-ibu-kerana-mahu-wanita-itu-masuk-syurga-sumber</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	
10.	<p>Wanita Hamil Tertekan Diburu Along</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/12/wanita-hamil-tertekan-diburu-along/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
11.	<p>'Siapa Nak Jaga Anak-Anak Jika Saya Tiada' - Pesakit Kanser</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696125/edisi/kelantan/video-siapa-nak-jaga-anak-anak-jika-saya-tiada---pesakit-kanser</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
12.	<p>Warga Emas Hilang Ditemukan Meninggal Dunia Dalam Sungai</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154391/warga-emas-hilang-ditemukan-meninggal-dunia-dalam-sungai</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

13.	<p>Kanak-Kanak Empat Tahun Cedera Disyaki Didera Rakan Ibu</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/12/kanak-kanak-empat-tahun-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kanak-kanak-lelaki-cedera-di-mata-tangan-punggung-disyaki-didera-rakan-ibu/#google_vignette</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=LxGMeMAr2Hs</p> <p>https://mykmu.net/2024/11/12/kanak-kanak-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu-mangsa/#google_vignette</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Mykmu</p>	Neutral
14.	<p>OKU Terlantar Bukan Penghalang Lakukan Aktiviti Air, Naik Parasailing</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696263/berita/nasional/oku-terlantar-bukan-penghalang-lakukan-aktiviti-air-naik-parasailing</p>	Sinar Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KPWKM TIDAK TETAP KADAR YURAN TASKA DI BAWAH JKM – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. Foto WAN NABIL NASIR, 17 OKTOBER 2023.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) tidak menetapkan harga lantai atau harga siling untuk yuran taman asuhan kanak-kanak (taska) yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ini kerana premis itu adalah taska swasta yang berentitikan perniagaan yang memerlukan daya usaha yang kreatif di pihak pengusaha bagi memastikan perniagaan taska dapat berkembang maju dan mampan.

Jelas beliau, kadar yuran juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya standard dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan, lokaliti, serta faktor permintaan dan penawaran.

“Oleh itu, kesepakatan antara pengusaha taska, pengasuh dan ibu bapa harus diadakan untuk mendapatkan persetujuan bersama dalam hal ini.

“Namun pada masa yang sama, perlu diingatkan hasrat kerajaan untuk menaikkan kadar gaji minimum adalah demi kesejahteraan dan manfaat besar rakyat.

“Saya yakin rakan saya YB Menteri Sumber Manusia akan memberi maklum balas terhadap kenaikan gaji minima dan impaknya di sesi penggulungan Kementerian beliau esok,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Siti Zailah Mohd. Yusoff (PN-Rantau Panjang) menyentuh impak kenaikan gaji minimum dari RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan pada tahun depan kepada kenaikan yuran taska.

Pada pembentangan Belanjawan 2025 bulan lalu, kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,700 sebulan daripada RM1,500 kini berkuat kuasa 1 Februari tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan juga memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang lima pekerja bagi tempoh enam bulan iaitu berkuat kuasa 1 Ogos 2025. – MalaysiaGazette

DEWAN RAKYAT: 23 KES DERA DI PUSAT ASUHAN DILAPORKAN

KUALA LUMPUR – Sebanyak 23 kes penderaan bayi di pusat asuhan di seluruh negara telah dilaporkan sehingga September 2024.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kesemua kes tersebut sudah dikenakan tindakan Penguatkuasaan di bawah Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak Dan Perintah Penutupan Ke Atas Taman Asuhan Kanak-Kanak Serta Pusat Jagaan Yang Dalam Siasatan Polis.

“Tindakan ini merangkumi, 14 tindakan Lak (sealed) ke atas Taska tidak berdaftar dan sembilan tindakan Perintah Penutupan Sementara ke atas Taska berdaftar.

“Daripada jumlah tersebut, tiga adalah berkaitan kes kematian dan 20 kes adalah berkaitan aduan penderaan,” katanya ketika di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Sabri Azit (PN-Jerai) yang meminta KPWKM menyatakan statistik kes penderaan bayi di pusat asuhan di seluruh negara dan apakah langkah pengawalan agar kejadian penderaan tidak berulang.

Sementara itu, Nancy berkata, KPWKM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk mencegah serta mengurangkan risiko daripada berlakunya kejadian yang tidak diingini di Taska seperti penderaan, pengabaian atau kecuai.

“Kementerian mengeluarkan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak Di Taman Asuhan Kanak-Kanak Berdaftar yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.

“Selain itu, kementerian juga mengarahkan Pegawai Diberi Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke Taska bagi memastikan semua standard minimum yang ditetapkan oleh Akta dan Peraturan dipatuhi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menyeru kerjasama semua pihak, termasuklah ibu bapa dan orang awam, untuk melaporkan kewujudan Taska tidak berdaftar.

“Keperluan pendaftaran ini adalah demi memastikan Taska beroperasi mengikut standard dan amalan terbaik bagi mengurangkan risiko kepada insiden yang tidak diingini serta keselesaan dan keselamatan anak-anak kita.

“Taska yang berdaftar bukan sahaja boleh memastikan kualiti dan standard asas perkhidmatan yang disediakan oleh premis dan pengasuh tetapi juga dapat mengurangkan risiko berlakunya kecuaiian dan penderaan terhadap kanak-kanak di Taska,” katanya. – KOSMO! ONLINE

DEWAN RAKYAT: KPWKM TIDAK BERCADANG TETAPKAN KELAYAKAN MINIMUM PETUGAS PDK

KUALA LUMPUR, 12 Nov: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) tidak bercadang untuk menetapkan syarat kelayakan minimum bagi petugas di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata ini kerana pihaknya tidak mahu menghadkan penglibatan masyarakat.

“Mereka merupakan petugas PDK dan bukan kakitangan kerajaan (dan) terpulang kepada mereka untuk menentukan kelayakan itu cuma (lebih baik jika) mereka mempunyai kemahiran yang tinggi,” katanya pada Waktu Pertanyaan – Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Nancy memberi maklum balas kepada Datuk Mumtaz Md Nawli (Perikatan Nasional -Tumpat) yang mencadangkan agar semua petugas di PDK sekurang – kurangnya memiliki diploma pendidikan khas yang dilihat seiring dengan guru di sekolah rendah yang mengajar pelajar kategori itu.

Dalam pada itu, Nancy menambah bahawa selain kursus yang diberikan kepada petugas, golongan ibu bapa juga disaran melibatkan diri di PDK bagi membantu perkembangan anak masing – masing di situ.

Sementara itu kata beliau terdapat anak – anak di PDK telah melanjutkan pelajaran ke Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang merupakan akses kepada pembangunan kemahiran dan kerjaya yang melatih supaya mereka boleh berdikari pada masa hadapan.

“Ia sekali gus meliputi program pemerikasaan ekonomi yang dilihat dapat membantu anak-anak ini agar dapat berdikari dari segi ekonomi,” katanya lagi.

Selain itu, Nancy menegaskan bahawa kementeriannya sedang meneliti keperluan untuk menyediakan program khusus bagi peserta autisme di PDK supaya golongan ini dapat menerima sokongan yang lebih tersusun dan berfokus.

“Banyak peruntukan baharu bagi golongan autisme dan perancangan lanjut akan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan mereka,” katanya. -TVS.

KPWKM TINGKAT PENGUATKUASAAN DI TASKA, CEGAH PENGABAIAAN KANAK-KANAK – NORAINI AHMAD

KUALA LUMPUR, 12 Nov – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaiian, pengabaian dan penderaaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska).

Timbalannya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata JKM telah menguatkuasakan garis panduan khas tindakan penguatkuasaan 'Lak' dan perintah penutupan ke atas taman asuhan kanak-kanak serta pusat jagaan yang dalam siasatan polis.

"Garis panduan khas ini adalah untuk memastikan tindakan segera dan tegas terutamanya bagi kes penderaaan, pengabaian atau mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak atau penghuni di premis tersebut.

"Sebanyak 23 tindakan penguatkuasaan telah diambil di bawah garis panduan ini. Tindakan ini merangkumi 14 tindakan Lak (sealed) ke atas taska tidak berdaftar dan sembilan tindakan perintah penutupan sementara ke atas taska berdaftar," katanya.

Beliau menjawab persoalan dari Ahli Parlimen Jerai, Sabri Azit yang meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan statistik kes penderaaan bayi di pusat asuhan di seluruh negara dan apakah langkah pengawalan agar kejadian penderaaan tidak berulang.

Noraini yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong menjelaskan KPWKM dan JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk mencegah serta mengurangkan risiko daripada berlakunya kejadian yang tidak diingini di taska seperti penderaaan, pengabaian atau kecuaiian.

"Garis panduan keselamatan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak berdaftar yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 mengarahkan pegawai diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke taska bagi memastikan semua 'standard' minimum yang ditetapkan oleh akta dan peraturan dipatuhi.

"Melaksanakan program kesedaran dan advokasi masyarakat agar menjadi agen 'mata dan telinga' JKM untuk melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

"Sehingga 5 November 2024, sebanyak 327 buah sekolah terpilih di seluruh negara telah terlibat dalam program advokasi perlindungan kanak-kanak. Kasih kanak-kanak melibatkan 174,079 peserta dan menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaaan dilaporkan pada bila-bila masa," katanya lagi.

Tambah Ketua Wanita UMNO Malaysia lagi, taska yang berdaftar bukan sahaja boleh memastikan kualiti dan standard asas perkhidmatan yang disediakan oleh premis tetapi juga dapat mengurangkan risiko berlakunya kecuaiian dan penderaaan terhadap kanak-kanak.

“Kerjasama semua pihak termasuklah ibu bapa dan orang awam untuk melaporkan kewujudan taska tidak berdaftar.

“Keperluan pendaftaran ini adalah demi memastikan taska beroperasi mengikut standard dan amalan terbaik bagi mengurangkan risiko kepada insiden yang tidak diingini serta kesejahteraan dan keselamatan anak-anak,” ujarnya. – UMNO Online

KPWKM TO ASSIST UNIVERSITY STUDENTS DEAL WITH SEXUAL HARASSMENT



Yusoff

KPWKM secretary-general Datuk Dr Maziah Che

KOTA BHARU: The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) will provides awareness and exposure to students regarding the Anti-Sexual Harassment Act and the operation of the Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS).

KPWKM secretary-general Datuk Dr Maziah Che Yusoff said TAGS is a special act to deal with the offence of sexual harassment so that it does not continue to become a cancer in community life.

“TAGS is a special act to deal with the offence of sexual harassment so that it does not continue to become a cancer in community life.

“Students are a group that is also at risk of being exposed to the issue of sexual harassment, therefore we are committed to addressing this issue,” she said in a statement here.

According to her, the normalization of the act, either openly or as a joke, will leave a negative impact including trauma and lasting fear.

Earlier she inaugurated the Zero Tolerance Programme for Violence @Sexual Harassment Advocacy which is one of the KPWKM’s initiatives through the Women’s Development Department (JPW) to give awareness and exposure to students about TAGS in Kubang Kerian, here.

Dr Maziah said the programme in question is one of the ongoing advocacy efforts in providing a platform for the community, in addition to helping to raise awareness for

victims to come forward and make reports so that the issue can be addressed and stopped.

She said based on the statistics of the Royal Malaysian Police (PDRM), cases of violence against women involving domestic violence, rape and sexual harassment throughout the country, totalled 4,217 cases as of September 2024.

“Statistical data on cases of sexual harassment in this country is still at a worrying level.

“All parties need to join hands to stop any form of sexual harassment to create a safe, harmonious environment and provide holistic support to the victims,” she said.

KERAJAAN KOMITED TINGKAT PENGAMBILAN OKU DALAM PERKHIDMATAN AWAM

KUALA LUMPUR: Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha meningkatkan pengambilan calon orang kurang upaya (OKU), bagi memastikan kejayaan Dasar 1 Peratus OKU dalam Perkhidmatan Awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Dr Zaliha Mustafa berkata, untuk tahun 2023, seramai 92 orang OKU dilantik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), dengan jumlah keseluruhan pelantikan ialah seramai 25,520 orang (0.36 peratus).

Jumlah permohonan daripada golongan OKU yang diterima bagi tahun yang sama pula, katanya lagi, ialah seramai 6,177 permohonan berbanding 1.19 juta keseluruhan permohonan (0.52%).

Antara usaha yang digariskan kerajaan, jelas Dr Zaliha lagi, seperti integrasi maklumat calon OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan SPA (SPA9).

Selain itu, terdapat pengecualian menduduki Penilaian Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) berbanding calon lain, kelonggaran syarat dasar One Step Lower yang mana calon OKU boleh memohon jawatan gred lebih rendah daripada kelayakan akademik dimiliki.

Pada masa yang sama, Dr Zaliha berkata, JPA turut bertanggungjawab memastikan deskripsi tugas, persekitaran tempat kerja dan penerimaan ketua jabatan adalah 'mesra dan sesuai' OKU.

“SPA membuat pelantikan berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Syarat pelantikan OKU adalah sama dengan pelantikan calon yang lain iaitu berdasarkan syarat lantikan skim perkhidmatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan keperluan Ketua Perkhidmatan seperti keutamaan bidang pengajian/kelayakan, serta lokaliti atau jantina,” katanya lagi.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar, yang mahu mengetahui statistik pelantikan OKU dalam perkhidmatan

awam mengikut kategori ketidakupayaan bagi 2023 dan 2024 serta perbandingan dengan jumlah permohonan OKU dan langkah menangani ketidakseimbangan tersebut.

KANAK-KANAK EMPAT TAHUN CEDERA DISYAKI DIDERA RAKAN IBU

KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun cedera selepas disyaki didera penjaga sementara yang merupakan rakan wanita kepada ibu mangsa di Taman Desaria, Petaling Jaya.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Shahrulnizam Jaafar berkata dalam kejadian itu, mangsa didapati cedera di bahagian mata, tangan dan luka di punggung.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kanak-kanak itu dijaga oleh wanita terbabit, selepas ibu mangsa ditahan atas kesalahan dadah pada 18 Sept dan dijamin suaminya pada 6 November.

“Apabila mengambil anak, mereka mendapati terdapat kecederaan pada kanak-kanak itu. Penjaga sementara tersebut memberi alasan mangsa cedera akibat terkena mercun.

“Mangsa kemudiannya dibawa ke klinik untuk rawatan pada 8 November dan laporan polis dibuat oleh doktor pada 9 Nov,” katanya dalam kenyataan semalam.

Shahrulnizam berkata setakat ini tiada sebarang tangkapan dibuat dan kes siasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak Kanak 2001 (Akta 611).

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kes tersebut boleh menghubungi bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di talian 03-79662222 atau pegawai penyiasat iaitu Insp R. Daamotaran Naidu ditalian 019-6551269.